



Sukarno bilang bahawa Indonesia tidak ada niat mahu kuasai Wilayah Kalimantan Utara. Dia hanya bersimpati dengan rakyat Kalimantan Utara dalam mereka merebut kebebasan. Perjuangan “Kebebasan” Azhari adalah di Brunei dan orang-orang lainnya, Sabah dan Sarawak tidak memberontak. Apakah galakan ini sudah terbatas? Adakah apa-apa di belakangnya?

* * *

Tuduhan Tengku bahawa parti-parti *Communist* Indonesia adalah biang keladi dari penyokong pemberontak Brunei. Tuduhan benar! Buktinya hanya puak kiri yang gemarkan *Communist* sahaja yang menyokong perjuangan itu kalau sudah tahu Tengku, mengapa masih berkata sahaja - tidak beramal? Sapunya mereka bukan lebih baik?

* * *

“Abuya” Siraj al-Din “Abas dari Parti Partai Tariqah Islam Indonesia, nampaknya sangat gembira tatkala melakukan istiadat membakar “patung Tengku Abdul Rahman” dalam istiadat mengutuk Malaya di Jakarta baru-baru ini. Sebagai orang Islam tentunya tidak dibenarkan memberi hukuman dengan membakar - kerana itu hak Tuhan! Perkara ini sangat di dukacitakan. Barangkali “Abuya” itu sudah lupa daratan!

* * *

Perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Indonesia membenci Malaya dengan lupa daratan itu sebenarnya tidak boleh dibiarkan. Orang-orang Malaya dari sekarang rasanya belum terlewat untuk waspada melihat telatah orang Indonesia. Mungkin nanti, dalam masa tidak lama antaranya, sesudah Borneo Utara masuk wilayah Indonesia, Malaya pula menerima giliiran. Inikan mungkin kalau sesuatu pemerintahan didasarkan “*agressive*” contohnya lihat sahaja keadaan.

* * *

Haji Sanusi Mahmud bertanya kepada Edrus, berapa orang anak-anaknya bersekolah agama dan berapa yang bersekolah Inggeris? Pertanyaan ini dibuatnya setelah Mahkamah Syariah dikritik oleh majalah Qalam. Kalau Tuan Haji ini memandang, ini suatu kewajipan mahu tahu rumah orang dan hal rumah tangga orang, orang hanya berkata mā shā’ Allāh! Kalau mahu tahu Pak Ji boleh datang sahaja ke rumah Edrus, kan lebih baik. Siasat kemudian buat *report*. Atau pun, pada fikiran kita buat siarsiar?? kan lebih baik? Orang ramai tentunya tidak mahu tahu dan tidak suka perkara dapur orang dibibirkan!

* * *

Perkara peribadi dibibirkan tentunya bukan anjuran agama dan disuruh agama. Sebab itulah banyak orang tidak berpuas hati, kalau terjadi sesuatu perceraian mesti di bawa ke mahkamah, kerana perkara-perkara “aib”?? akan terkeluar, dan perempuan-perempuan janda itu kelak “recordnya” diketahui orang. Tentunya dengan itu payah orang mahu menjadikannya isteri. Akhirnya, sungguh pun janda sedikit tetapi bersuami semula payah - akhirnya bagaimana?